

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN AWAL MUHARAM/KENDURI BUBUR
ASYURA PERINGKAT KUKUM 1426 HIJRAH DAN SOLAT HAJAT SEMPENA
PEPERIKSAAN SEMESTER 2 PADA 12 MAC 2005 BERTEMPAT DI KOLEJ
KEDIAMAN PELAJAR KUKUM KUALA PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI ABD. HAMID, PENDAFTAR KUKUM

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM

YANG BERUSAHA PUAN HAJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA
PUSTAKAWAN KUKUM

YANG BERUSAHA USTAZ HASSAN BIN HAJI ARSHAD, PENGERUSI
JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA

DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIHORMATI SEKALIAN

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN, KASIH DAN SAYANG-NYA MENGIZINKAN KITA SEMUA HAMBA-NYA PADA PAGI INI UNTUK BERKUMPUL BERAMAI-RAMAI DI DALAM MAJLIS SAMBUTAN AWAL MUHARAM/KENDURI BUBUR ASYURA PERINGKAT KUKUM 1426 HIJRAH DAN SOLAT HAJAT SEMPENA PEPERIKSAAN SEMESTER 2 YANG AKAN BERMULA TIDAK LAMA LAGI.

PERTAMA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA YANG BERUSAHA USTAZ HASSAN BIN HAJI ARSHAD DARI UNIT AGAMA ISLAM KUKUM DENGAN KERJASAMA JABATAN-JABATAN, UNIT-UNIT, PUSAT-PUSAT PENGAJIAN DAN KOLEJ KEDIAMAN KUKUM KERANA TELAH BERUSAHA DENGAN GIGIH MENGANJURKAN MAJLISINI.

SESUNGGUHNYA DEDIKASI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA AMAT SAYA SANJUNGI DAN BERHARAP USAHA PENGANJURAN MAJLIS PENUH DENGAN NILAI-NILAI SPIRITUAL DAN MENDEKATKAN DIRI KITA SEBAGAI HAMBA KEPADA PENCipta YANG MAHA BERKUASA SEBEGINI, DAPAT DITERUSKAN DARI MASA KE SEMASA.

SAYA AMAT BERHARAP DALAM PERJALANAN KITA SEMUA MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI AGAR TERUS CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG, AKAR SERTA JATIDIRI KITA TIDAK ALPA KEPADA ASAS-ASAS KEROHANIAN YANG MENJADI PEGANGAN DAN IKTIKAD KITA SEMUA SEBAGAI UMAT ISLAM.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEKARANG KITA TELAH PUN MEMASUKI BULAN MUHARAM DAN MEMBUKA LEMBARAN BARU UNTUK KEHIDUPAN UMAT ISLAM DENGAN TAHUN HIJRAH. BULAN MUHARAM ADALAH TERMASUK SALAH SATU DARI EMPAT BULAN YANG DIHORMATI SEBAGAIMANA YANG TERSEBUT DI DALAM AL-QURAN KERANA DALAM BULAN MUHARAM INI TELAH BANYAK MERAKAMKAN PERISTIWA-PERISTIWA PENTING YANG PERLU DIKETAHUI AGAR DENGAN ITU AKAN MENJADI PENDORONG UNTUK MENINGKATKAN AMALAN-AMALAN KITA DI BULAN INI KHASNYA DAN SEPANJANG TAHUN AMNYA.

MUHARAM ADALAH PERMULAAN TAHUN BARU HIJRAH DAN DI DALAMNYA JUGA TERDAPAT PERISTIWA YANG TIDAK DAPAT DILUPAKAN OLEH SELURUH UMAT ISLAM IAITU PERISTIWA PEMBUNUHAN SAIYDINA HUSSEIN BIN ALI IAITU CUCU RASULULLAH S.A.W DI KARBALA, IRAQ.

DI DALAM BULAN MUHARAM TERDAPAT PULA HARI YANG MULIA IAITU 10 MUHARAM YANG TERKENAL DENGAN NAMA HARI ASYURA. SEBAGAIMANA HADIS YANG TELAH DIRIWAYATKAN OLEH AL-IMAN AL-BUKHARI DAN MUSLIM DARI ABDULLAH BIN UMAR R.A BAHAWA RASULULLAH S.A.W BERSABDA YANG MAKSUDNYA:

‘LIMA WAKTU TIDAK DITOLAK SESUATU DOA IAITU PADA MALAM JUMAAT, MALAM 10 MUHARAM, MALAM NISFU SYABAAN, MALAM AIDILFITRI DAN MALAM AIDILADHA’

BERPUASA PADA HARI ASYURA ADALAH SANGAT BESAR PAHALANYA SEBAGAIMANA HADIS YANG TELAH DIRIWAYATKAN OLEH AL-IMAN MUSLIM DARI ABU QATADAH R.A BERKATA, SESUNGGUHNYA RASULULLAH S.A.W TELAH DITANYA MENGENAI PUASA PADA HARI

ASYURA. BAGINDA S.A.W MENJAWAB: “AKAN DIGANTIKAN KEJAHATAN-KEJAHATAN PADA TAHUN YANG SEBELUMNYA DENGAN KEBAIKAN (DENGAN SEBAB PUASANYA ITU).

BERPUASA PADA HARI ASYURA SEBAIKNYA DIDAHULUI DENGAN BERPUASA PADA HARI TASU’A (HARI KESEMBILAN DARI BULAN MUHARAM) AGAR TIDAK MENYERUPAI DENGAN AMALAN ORANG YAHUDI YANG HANYA BERPUASA PADA HARI ASYURA SAHAJA. SEBAGAIMANA HADIS YANG TELAH DIRIWAYATKAN OLEH AL-IMAN AL-BAIHAQI BAHAWA RASULULLAH S.A.W TELAH BERSABDA YANG BERMAKSUD: “BERPUASALAH KAMU PADA HARI YANG KESEMBILAN DAN KESEPULUH (MUHARAM), DAN JANGAN MENIRU CARA-CARA ORANG-ORANG YAHUDI”.

OLEH KERANA ITULAH PARA SAHABAT TELAH BERTANYA KEPADA RASULULLAH S.A.W MENGENAI HAL TERSEBUT: “YA RASULULLAH ADAKAH ALLAH TELAH MELEBIHKAN HARI ASYURA DARIPADA HARI-HARI YANG LAIN?” JAWAB BAGINDA: “MEMANG BENAR HARI ASYURA (10 MUHARAM) ALLAH TELAH MENJADIKAN LANGIT DAN BUMI, BUKIT-BUKAU, LAUT, SYURGA DAN NERAKA, NABI ADAM DAN HAWA, NABI ADAM MASUK SYURGA, NABI IBRAHIM DILahirkan, NABI IBRAHIM TERSELAMAT DARI KEPANASAN API, PERISTIWA FIRAUN TELAH DITENGGELAMKAN OLEH ALLAH S.W.T, ALLAH TELAH MENYEMBUHKAN PENYAKIT NABI AYUB, TAUBAT NABI ADAM DAN NABI DAUD DITERIMA OLEH ALLAH S.W.T, ALLAH TELAH MENGGEMBALIKAN KERAJAAN NABI SULAIMAN DAN TERJADINYA KIAMAT PADA HARI JUMAAT 10 MUHARAM’.

SALAH SATU AMALAN YANG SUNAT DILAKUKAN PADA HARI ASYURA IALAH MENGGEMBIRAKAN KELUARGA ATAU SAUDARA-MARA TERDEKAT. MISALNYA PADA HARI TERSEBUT KITA MENYEDIAKAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG AGAK LEBIH SEDAP DARIPADA

BIASANYA. SEBAGAIMANA HADIS YANG TELAH DIRIWAYATKAN OLEH AL-IMAN AT-TABARANI DAN AL-IMAN AL-BAIHAQI BAHAWA RASULULLAH S.A.W BERSABDA YANG BERMAKSUD:

“BARANG SIAPA YANG MELAPANGKAN (MENGGEMBIRAKAN) KELUARGANYA PADA HARI ASYURA, MAKA ALLAH AKAN MELAPANGKAN REZEKINYA SEPANJANG TAHUN ITU”

SESETENGAH UMAT ISLAM ADA YANG TERLALU GHAIROH DAN BERLEBIHAN DALAM MENYAMBUT HARI ASYURA SEHINGGA BERLAKUNYA PERKARA-PERKARA BIDAAH DAN PEMBAZIRAN. MEREKA HANYA BERAMAL MENGIKUT TRADISI SAHAJA TANPA MENGKAJI HAKIKAT KEBENARANNYA DI SISI AGAMA ISLAM. JUSTERU ITU SAYA AMAT BERHARAP AGAR WARGA KUKUM TIDAK MELAKUKAN AMALAN-AMALAN BIDAAH TERSEBUT.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PENGANJURAN MAJLIS SEUMPAMA INI JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMUPUK UNSUR-UNSUR KEIMANAN DAN KETAQWAAN DI SETIAP JIWA WARGA KUKUM DI SAMPING DAPAT MENGERATKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA STAF DENGAN PELAJAR-PELAJAR KUKUM. SAYA AMAT MENITIKBERATKAN KEHARMONIAN KERANA WALAUPUN KITA BERBEZA DARI SEGI LATAR BELAKANG DEMOGRAFIK DAN SOSIOLOGI TETAPI PADA HAKIKATNYA KITA SEMUA ADALAH SATU KELUARGA YANG MENDIAM SATU BUMBUNG IAITU KUKUM.

MAJLIS INI JUGA DAPAT MEMBERI RUANG KEPADA KITA UNTUK BERKENALAN ANTARA SATU SAMA LAIN KERANA SEHINGGA KINI KUKUM

SUDAH MEMPUNYAI HAMPIR KIRA-KIRA 600 ORANG KAKITANGAN DAN 1300 ORANG PELAJAR. SAYA PASTI RAMAI DI ANTARA KITA YANG MASIH BELUM MENGENALI HAMPIR SEPARUH DARI JUMLAH TERSEBUT.

MAKA REBUTLAH PELUANG YANG ADA INI UNTUK MENYAPA DAN BERKENALAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN. TANPA KEHARMONIAN AMAT SUKAR BAGI KITA UNTUK BEKERJA DALAM SATU PASUKAN YANG MERUPAKAN KUNCI KEPADA KEJAYAAN MANA-MANA ORGANISASI SELAIN SIFAT BERTOLAK ANSUR, SALING BEKERJASAMA DAN KEIKHLASAN DALAM MENJALANKAN TUGAS. SEPERTI MANA KATA PEPATAH MELAYU LAMA ‘ YANG BERAT SAMA DIPIKUL DAN YANG RINGAN SAMA DIJINJING’

DI DALAM MAJLISINI JUGA KITA AKAN MENGADAKAN SOLAT HAJAT BERSEMPENA DENGAN PEPERIKSAAN SEMESTER 2. DI SINI SAYA INGIN MENYERU KEPADA PARA PELAJAR AGAR MEMBULATKAN TEKAD DAN USAHA DALAM MENCAPAI KEJAYAAN DI DALAM PEPERIKSAAN YANG AKAN BERLANGSUNG TIDAK LAMA LAGI. TANPA USAHA YANG BERSUNGGUH-SUNGGUH DI DALAM MENGULANG-KAJI PELAJARAN AMAT MUSTAHIL BAGI ANDA SEMUA UNTUK BEROLEH KEJAYAAN YANG CEMERLANG.

SETELAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH MAKA BERDOA LAH KEPADA ALLAH S.W.T DAN BERTAWAKAL. KEPADA PARA PELAJAR YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM PULA, ANDA SEMUA JUGA BOLEH BERBUAT DEMIKIAN MENGIKUT KEPERCAYAAN AGAMA MASING-MASING.

PUN BEGITU, APA YANG PALING PENTING IALAH ANDA SEMUA PARA PELAJAR HARUS MEMOHON RESTU DARI PENSYARAH-PENSYARAH YANG MENGAJAR KERANA MEREKA IBARAT IBU DAN BAPA ANDA DI SINI.

MOHON LAH RESTU DAN DOA DARI MEREKA AGAR SEGALA ILMU YANG DIAJARKAN ITU MEMBERI KEBERKATAN.

SAYA PERCAYA TANPA RESTU DAN DOA DARI GURU-GURU ATAU PENSYARAH-PENSYARAH YANG MENGAJAR KITA, AMAT SUKAR BAGI ANDA SEMUA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG. SELAIN DARI ITU HUBUNGI LAH IBU-BAPA ANDA MASING-MASING DAN POHON LAH RESTU DAN DOA DARI MEREKA. TIADA DOA DAN RESTU YANG LEBIH MAKBUL SELAIN DARI DOA DAN RESTU IBU-BAPA YANG MELAHIRKAN, MENJAGA DAN MEMBESARKAN KITA.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT MAJU JAYA KEPADA SEMUA MAHASISWA-MAHASISIWI KUKUM YANG AKAN MENEMPUH PEPERIKSAAN SEMESTER 2 TIDAK LAMA LAGI. SAYA DOAKAN KEJAYAAN BUAT ANDA SEMUA AGAR CITA-CITA IBU-BAPA, SAUDARA-MARA ANDA UNTUK MELIHAT ANAK-ANAK ATAU SAUDARA MARA MEREKA BERGELAR GRADUAN TERCAPAI KELAK. INSYALLAH.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN PADA PAGI INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA PROGRAM KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN MAJLIS INI DENGAN JAYANYA. TERUSKAN USAHA CEMERLANG ANDA SEMUA DI DALAM MAJLIS-MAJLIS YANG AKAN DATANG.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAHİ TAUFİK WALHİDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHİ TAALA WABARAKATUH.